



02 OCT, 2019

Perkeso salur RM65.1 juta

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Perkeso salur RM65.1 juta

Bantu seramai 23,773 individu yang dilaporkan hilang pekerjaan menerusi SIP

HASNIZA HUSSAIN

KUALA LUMPUR

Seramai 23,773 individu yang dilaporkan hilang pekerjaan menerima manfaat sebanyak RM65.1 juta menerusi skim Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) di bawah Per-tubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar berkata, pemberian faedah skim itu adalah jumlah keseluruhan perbelanjaan yang dikeluarkan Perkeso sejak SIP dilaksanakan pada Januari 2018 hingga 13 September lalu.

Menurutnya, semua penerima skim itu merupakan pe-

kerja yang mencarum dengan SIP dan memenuhi kelayakan untuk mendapat faedah caruman tersebut.

Katanya, individu terbabit turut dibantu dari segi latihan dan mendapatkan pekerjaan baru.

"Menerusi sambutan Hari Perkeso hari ini (semalam), kita sediakan banyak reruai untuk membantu mereka mendapatkan maklumat berkaitan termasuk peluang pekerjaan.

"Sebagai contoh, kita ada reruai khas iaitu *mini job hunt* yang menawarkan sebanyak 1,133 kekosongan daripada sektor perkhidmatan, perhotelan, peruncitan dan pembuatan, katanya pada sidang akhbar selepas perasmian Sambutan Hari Perkeso 2019 ke-48 di Menara Perkeso di sini semalam.

Terdahulu, beliau menyampaikan faedah SIP peringkat pertama kepada seramai 16 kakitangan syarikat swasta yang ditamatkan perkhidmatan baru-baru ini.

Majlis itu turut dihadiri Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk



Mahfuz (tengah) dan Mohammed Azman (kanan) menyampaikan sijil penghargaan orang berinsurans dan majikan yang berjaya kepada Muhammad Munir Ariffin Zulkapli (kiri) pada Sambutan Hari Perkeso 2019 di Menara Perkeso, Kuala Lumpur semalam.

Seri Dr Mohammed Azman dan Aziz Mohammed.

Mahfuz berkata, kini banyak syarikat di Malaysia yang mengelakkan operasi dan saiz tenaga kerja untuk mengekalkan daya saing termasuk industri media.

"Saya bersympati dan berharap mereka yang terlibat dapat memanfaatkan kemudahan yang ditawarkan Perkeso menerusi SIP," katanya.

Sementara itu, Mahfuz berkata, setakat ini lebih tujuh juta rakyat Malaysia telah mence-

rum dengan Perkeso dan setakat Jun lalu, sebanyak RM2 bilion dibelanjakan untuk membayar faedah kepada orang berinsurans serta orang tanggungan mereka.

Menurutnya, kerajaan menerusi Perkeso turut merancang memperluaskan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) kepada suri rumah dan 18 industri informal melibatkan subsektor, antaranya pertanian, perhutanan, perkilangan dan perlombongan termasuk industri seni yang akan diperluaskan dari masa ke masa.

"Terdapat beberapa semakan perlu dibuat dan kita hanya menunggu kelulusan Kabinet untuk melaksanakan perkara ini segera," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mahfuz turut mengingatkan individu yang mencari pekerjaan supaya tidak terlalu memilih.

"Mana yang dapat dulu dan agak berpadanan dengan tawaran yang diberikan untuk mereka bekerja, seharusnya mereka terima," katanya.



02 OCT, 2019

Perkeso salur RM65.1 juta

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Bantu seramai 23,773 individu yang dilaporkan hilang pekerjaan menerusi SIP

KUALA LUMPUR Seramai 23,773 individu yang dilaporkan hilang pekerjaan menerima manfaat sebanyak RM65.1 juta menerusi skim Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso). Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar berkata, pemberian faedah skim itu adalah jumlah keseluruhan perbelanjaan yang dikeluarkan Perkeso sejak SIP dilaksanakan pada Januari 2018 hingga 13 September lalu.